

TUN PERAK FEST 2.0

Tun Perak Fest 2.0 (TP FEST 2.0) merupakan sebuah program yang diadakan kali ke-2 di Kolej Tun Perak. Pada peringkat pertama mengadakan Tun Perak Fest pada sesi 2014/1025, pihak pengurusan telah mendapat maklum balas yang memberangsangkan dan mengambil keputusan untuk mengadakan program ini pada setiap 2 tahun. Program ini merupakan anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak dengan kerjasama Pengurusan Kolej Tun Perak dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.

Tun Perak Fest 2.0 pada sesi kali ini tampil dengan tema **“Unity through Culture”**. Tema ini adalah selari dengan hasrat universiti untuk mencapai suasana kampus yang aman. Telah berlangsung pada 24 Februari 2017 hingga 26 Februari 2017 iaitu pada semester kedua pengajian dan bertempat di tapak parking Kolej Tun Perak. Seterusnya, program ini bertujuan untuk mewujudkan integrasi antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa dengan menjadikan budaya dan makanan sebagai medium pengantaraan. Selain itu, program ini telah menjadi wadah kepada pelajar baharu dan lama untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan sekaligus menambah ilmu pengetahuan dan keyakinan diri melalui pelbagai sub-program yang telah diadakan.



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KOLEJ TUN PERAK

TP FEST 2.0

TUN PERAK FEST
“UNITY THROUGH CULTURE”

TARIKH:
24 - 26 FEBRUARI 2017

TEMPAT:
KOLEJ TUN PERAK, UPM

- Opening Ceremony
- Sound Of Culture
- The Band's War
- Blood Donation
- High Rope Elements
- Master Chef
- Nasyid Trio
- Gloeing Ceremony

#tunPerakFest2.0
#unityThroughCulture
#kolejTunPerak

KTP_Fest_2
TP Fest 2.0
@tpfest2

ANJURAN MAJLIS TERTINGGI MAHASISWA
KOLEJ TUN PERAK
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Sponsored by: 

Antara pertandingan dan aktiviti yang telah diadakan dalam program ini bagi mencapai objektif yang disasarkan ialah *Sound of Culture* Interkolej, *The Band's War* Interkolej, *Zumba Dance*, *Master Chef* Interkolej, dan *Nasyid Trio* Interkolej. Setiap kolej telah berentap bagi merebut hadiah kemenangan di setiap pertandingan yg dipertandingkan. Tambahan, setiap pertandingan yang diadakan telah mendapat sambutan yang mengalakkan dari peserta. Disamping itu, Tun Perak Fest 2.0 juga menyediakan pelbagai gerai jualan makanan, pakaian dan juga food truck.

Sound of Culture telah diadakan pada malam perasmian program ini, dimana Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antrabangsa UPM, Prof. Dr. M. Iqbal Saripan telah merasmikan majlis tersebut. Dalam ucapan perasmian, beliau telah mengatakan bahawa program sebegini merupakan program yang terbaik untuk dijalankan pada setiap kolej dimana para mahasiswa dapat belajar

perkara selain daripada pembelajaran yang diadakan didalam kelas. Ini kerana, program-program sebegini dapat membantu para mahasiswa untuk meningkatkan mutu dan kualiti dalam diri mereka dan bersedia untuk menghadapi dunia luar apabila bergraduasi kelak.

Di samping itu, Tun Perak Fest 2.0 jugak telah menjemput kumpulan band, G Sharp 7 yang telah memenangi pertandingan The Bands iaitu satu pertandingan yang dianjurkan di MAHA 2016. Walaupun ahli band ini baru berusia 17 tahun, namun persembahan mereka yang profesional telah membuka mata para mahasiswa untuk terus berusaha menjadi terbaik dalam bidang muzik, contohnya.

Kesimpulannya, Tun Perak Fest 2.0 satu program yang berjaya dilaksanakan oleh pihak pengurusan dan telah memberikan impak yang besar terhadap mahasiswa mahasiswi Universiti Putra Malaysia.



Disediakan oleh: Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak